



Bengkel Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar KUKUM

Disediakan Oleh : Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah



Dalam usaha melahirkan pelapis pemimpin masa kini, pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) tidak ketinggalan dalam mengadakan bengkel kepada pemimpin-pemimpin pelajar KUKUM dan memberi pendedahan yang berguna untuk dipraktikkan. Tanggal 11 dan 12 Oktober 2003 baru-baru ini, satu Bengkel Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar KUKUM telah diadakan di Hotel Cititel, Mid Valley, Kuala Lumpur.

Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan para perwakilan pelajar untuk berdepan dengan pemimpin-pemimpin utama negara serta memberi ilmu pengetahuan mengenai kepimpinan. Program ini telah disertai seramai 40 orang termasuk pegawai pengiring. Pelajar terdiri daripada ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUKUM, pemimpin Majlis Penghuni Kolej Kediaman A, B dan C serta perwakilan daripada persatuan pusat pengajian.

Pelbagai program telah dirancang oleh pihak urusetia seperti ceramah dan tazkirah. Antara tajuk utama ceramah iaitu Politik Kampus yang disampaikan oleh Tn. Che Mohamad Dollah daripada Biro Tata Negara (BTN), Etika Kepimpinan Mahasiswa yang disampaikan oleh Kapt. Samsudin Moner dari JHEK, Perjuangan MPP : Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan yang

disampaikan oleh Tn. Irmohizam Ibrahim (Pegawai Khas Menteri Pendidikan Malaysia) dan MPP Aspirasi Kerajaan yang di terajui oleh Y. Bhg Datuk Dr. Adham Baba (Pegawai Khas Menteri Belia dan Sukan). Tazkirah yang bertajuk Gerakan Islam Di Kampus yang disampaikan oleh Ustaz Halim Ismail dari YADIM.

Turut diadakan satu slot bersama Y. Bhg Rektor KUKUM, Prof. Dr. Kamarudin Hussin dan Y. Bhg. Dato' Norraesah Hj. Mohamad , Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang bertajuk Bersama Membangunkan Sebuah Universiti. Acara kemuncak bengkel ialah kunjungan hormat kepada Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Musa Mohamad di Pusat Bandar Damansara serta sesi bersama Y. Bhg. Dato' Dr. Nordin Kardi, Ketua Pengarah Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Semasa kunjungan hormat ini para perwakilan diberi peluang untuk berdiskusi secara terus dengan kedua-dua pemimpin yang disegani ini mengenai isu-isu semasa dan Idealisme Mahasiswa. Para peserta sungguh bertuah kerana diberi peluang untuk terbuka puasa bersama Pegawai Khas Menteri Belia dan Sukan di PWTC pada malam sebelum bertolak pulang. Pada keseluruhannya para perwakilan amat berpuas hati dan mendapat sedikit sebanyak ilmu untuk dipraktikkan.

